

RM4j naik taraf sungai

» *Jambatan baru di Sungai Seri Pengkalan atasi banjir kilat*

Oleh Amir Mamat
amirapis@bharian.com.my

► Ayer Keroh

Kerajaan Melaka akan membina beberapa kemudahan baru bagi mengatasi banjir kilat di sekitar Kampung Seri Pengkalan dan Melaka Pindah di Alor Gajah, membabitkan kos RM4 juta.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kemudahan itu membabitkan projek membesar dan mendaamkan Sungai Seri Pengkalan, selain membina jambatan baru.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka akan melaksanakan projek itu secepat mungkin

sebaik peruntukan disalurkan.

Ambil tanah penduduk

Berikutan itu, Mohd Ali berkata, kerajaan negeri akan melakukan pengambilan tanah penduduk di sekitar sungai berkenaan bagi tujuan pembesaran, selain melakukan pembersihan lebih kerap untuk melancarkan laluan air.

“Setakat ini, keadaan banjir Seri Pengkalan dan Melaka Pindah terkawal dan lapan keluarga, yang terpaksa berpindah ke pusat pemindahan banjir juga sudah pulang ke rumah masing-masing.

“Namun, kerajaan negeri dan JPS akan membuat pembersihan segera di Sungai Seri Pengkalan supaya banjir, yang membabitkan rumah dan landasan kereta api tidak ditenggelami air,” katanya di

“**Kerajaan negeri dan JPS akan membuat pembersihan segera di Sungai Seri Pengkalan**”

Mohd Ali Rustam,
Ketua Menteri
Melaka

batkan lapan keluarga terpaksa dipindahkan berikutan kenaikan paras air.

Sebelum ini bencana itu juga menjejaskan sejumlah kawasan penduduk di sekitar daerah Alor Gajah sehingga menimbulkan perasaan gelisah orang ramai.

Susulan itu, banyak pihak

sini, baru-baru ini.

Beliau mengulas kejadian banjir di Seri Pengkalan dan Melaka Pindah, yang mengaki-

merayu supaya kerajaan segera menangani masalah itu bagi mengelaknya berulang pada masa depan, terutama pada musim tengkujuh.

Bina empangan, kolam takungan

Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata, kerajaan negeri sebelum ini, bersetuju membina kolam takungan di Melaka Pindah dengan membabitkan keluasan kira-kira 100 ekar sebagai usaha jangka panjang me-

ngatasi masalah banjir.

Katanya, ia sebagai susulan cadangan membina empangan berukuran sederhana di Sungai Gadek dan kolam takungan tambahan di tiga kawasan berisiko di negeri ini iaitu kolam takungan banjir di Belimbing Dalam, Alor Gajah dan di Lipat Kajang, Jasin.

“Bagaimanapun, projek pembersihan sungai Seri Pengkalan perlu dilaksanakan terlebih dulu supaya kejadian banjir kilat dapat diatasi segera,” katanya.



Penduduk menunjukkan **pembetung yang sempit** dipercayai menjadi punca banjir kilat di Kampung Pegoh, Alor Gajah.

[FOTO SHUKOR KASIM/ BH]